

**KAJIAN PERBANDINGAN PENGLIBATAN POLITIK ANTARA
WANITA UMNO DENGAN MUSLIMAT PAS
DI IPOH PERAK**

oleh

SYAAIBAH BINTI ZULKIPLI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

JUN 2015

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T yang telah memberi kekuatan dan kesabaran serta dengan izin dan rahmatNya tesis ini dapat disiapkan.

Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Wan Asna Wan Mohd Nor dan Prof. Dr. Rashila Ramli yang telah banyak meluangkan masa untuk memberi segala nasihat, bimbingan, bantuan dan galakan serta cadangan-cadangan membina sepanjang penyelidikan ini. Saya amat menghargai segala tunjuk ajar dan kesabaran beliau sepanjang pengajian ini. Juga tidak dilupakan kepada Dekan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, pensyarah-pensyarah yang turut sama membantu dalam memberi bimbingan, panduan dan nasihat sepanjang pengajian ini. Jutaan terima kasih juga tidak dilupakan buat semua kakitangan Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia terutamanya kak Shada yang turut membantu dalam hal- hal pentadbiran sepanjang pengajian di PPPJJ USM.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga buat ayah, ibu dan adik-adik yang tersayang kerana tidak jemu memberi sokongan dan galakan sepanjang pengajian ini. Tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi motivasi antara kita semua. Jasa anda semua tidak saya lupakan.

Terima kasih.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi

BAB SATU: PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Latar Belakang Wanita Dan Penglibatan Politik	10
1.3.1 Sejarah Politik	10
1.3.1.1 KESATUAN MELAYU SINGAPURA	12
1.3.1.2 ANGKATAN WANITA SEDAR (AWAS)	15
1.3.1.3 PERGERAKAN WANITA UMNO	18
1.3.1.4 DEWAN MUSLIMAT PAS	23
1.3.2 Peranan Dan Tugas Wanita Dalam Parti Politik	25
1.3.3 Penglibatan Politik Wanita antara UMNO dengan Muslimat PAS di Ipoh, Perak	27
1.4 Permasalahan Kajian	31
1.5 Persoalan Kajian	34
1.6 Objektif Kajian	34

1.7	Kajian Literatur Penglibatan Wanita Dalam Politik	35
1.8	Skop Dan Batasan Kajian	40
1.9	Kepentingan Kajian	42
1.10	Organisasi Kajian	44

BAB DUA: KERANGKA KONSEPTUAL

2.1	Pengenalan	46
2.2	Penglibatan Politik	46
2.2.1	Definisi Politik	52
2.2.2	Definisi Gender	59
2.3	Jenis dan Peringkat Penyertaan Politik	61
2.4	Proses Penyertaan Politik	65
2.5	Teori Model Tingkah Laku Pengundian Penglibatan Politik	67
2.5.1	Feminis Dan Teori Politik	71
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	76
2.7	Kesimpulan	78

BAB TIGA: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	79
3.2	Rangka Kerja Penyelidikan	79
3.2.1	Kerangka Kajian Penyelidikan	79

3.3	Kajian Rintis	82
3.4	Metodologi Kajian	83
3.4.1	Skop Kajian	83
3.4.2	Pemilihan Responden	86
3.5	Pengumpulan Data	86
3.5.1	Kaedah Pengumpulan Data Penyelidikan Kuantitatif	87
3.5.2	Penyelidikan Kualitatif	88
3.6	Reka Bentuk Penyelidikan	
3.6.1	Persampelan	89
3.6.1.1	Persampelan Bertujuan (Purposive)	89
3.6.1.2	Persampelan Bola Salji (Snowball)	90
3.7	Alat Pengukuran Kajian	91
3.7.1	Borang Soal Selidik	92
3.7.2	Temubual Mendalam (In-depth Interview)	96
3.8	Kebolehpercayaan	98
3.9	Merekod Data	98
3.10	Kaedah Penganalisaan Data	99
3.10.1	Analisis Data Kuantitatif	99
3.10.1.1	Analisis Deskriptif	100
3.10.1.2	Taburan Silang	100
3.10.1.3	Kolerasi	100
3.10.2	Analisis Kualitatif	102
3.11	Etika Penyelidikan	102
3.12	Kesimpulan	103

BAB EMPAT: PEMERIHALAN FAKTOR PENGARUH

PENGLIBATAN POLITIK

4.1	Pengenalan	105
4.2	Latar Belakang Responden	105
4.2.1	A) Kategori umur responden	106
	B) Peratus umur responden antara Wanita UMNO dengan Muslimat PAS	107
4.2.2	A) Taraf perkahwinan	108
	B) Peratus taraf perkahwinan responden antara Wanita UMNO dengan Muslimat PAS	109
4.2.3	Tahap pendidikan	110
4.2.4	A) Pekerjaan	112
	B) Peratus Wanita UMNO dengan Muslimat PAS yang bekerja mengikut bidang	113
4.2.5	A) Jawatan yang disandang dalam parti	114
	B) Peratus responden yang menyandang jawatan dalam Parti politik UMNO dengan PAS	115
4.2.6	Persatuan sosial lain yang dianggotai	116
4.3	Kecenderungan Dan Kesetiaan Terhadap Parti Politik	118
4.3.1	Kebolehpercayaan soal selidik	119
4.3.2	Kesetiaan kepada parti politik	119
4.3.3	Faktor keutamaan semasa mengundi	123
4.4	Penglibatan Politik antara Wanita UMNO dengan Muslimat PAS Di Ipoh, Perak	127
4.4.1	Faktor-faktor yang mendorong penglibatan politik antara Wanita UMNO dengan Muslimat PAS di Ipoh, Perak	127
4.4.2	Aktiviti penglibatan politik antara Wanita UMNO dengan Muslimat PAS Ipoh, Perak	133
4.4.3	Perhubungan dengan ADUN, Ahli Parlimen dan AJK Parti	137
4.4.4	Tahap penglibatan politik	139
4.5	Pengurusan Masa antara Wanita UMNO Muslimat dengan PAS	
4.5.1	Kekerapan masa responden bersama keluarga dengan Parti Politik	142
4.5.2	Jawatan dalam parti politik dengan kekerapan masa bersama keluarga	144

4.5.3	Hubungan antara masa bersama dengan kekerapan menghadiri perjumpaan parti politik	147
4.5.4	Hubungan antara masa bersama keluarga dengan melibatkan diri secara aktif dalam parti politik	148
4.6	Kesimpulan	150

BAB LIMA: KEKANGAN PENGLIBATAN DAN PERSEPSI TERHADAP PENCAPAIAN PARTI UMNO DAN PAS

5.1	Pengenalan	152
5.2	Kekangan Dalam Penglibatan Politik	
5.2.1	Komitmen keluarga dengan parti politik	152
5.2.2	Jawatan dalam parti politik dengan komitmen keluarga	155
5.2.3	Komitmen kerjaya dengan penglibatan parti politik	157
5.2.4	Pekerjaan responden dan perhatian kepada keluarga	159
5.3	Persepsi Wanita UMNO dengan Muslimat PAS Terhadap Parti Politik	
5.3.1	Persepsi Wanita UMNO dengan Muslimat PAS terhadap pencapaian parti politik dalam ekonomi, sosial, politik dan pembangunan	162
5.3.2	Persepsi Wanita UMNO dan Muslimat PAS terhadap pencapaian kerajaan negeri dalam memperjuangkan hak dan kepentingan golongan wanita	165
5.3.3	Persepsi Wanita UMNO dengan Muslimat PAS terhadap parti dan institusi politik kerajaan Persekutuan	169
5.3.4	Persepsi Wanita UMNO dan Muslimat PAS terhadap kehendak dan keperluan golongan wanita	171
5.3.5	Golongan Wanita mempunyai suara terhadap parti politik, kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan	175
5.4	Kesimpulan	178

BAB ENAM: KESIMPULAN DAN PENUTUP

6.1	Pendahuluan	180
6.2	Rumusan Dan Perbincangan	180
	1)Faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan dan tingkah laku politik antara Wanita UMNO dengan Muslimat PAS Ipoh, Perak	184
	2) Mengkaji pengurusan masa antara kerjaya dan keluarga antara Wanita UMNO dengan Muslimat PAS dalam penglibatan politik	190
	3) Mengenal pasti kekangan yang dihadapi antara Wanita UMNO dengan Muslimat PAS dalam penglibatan parti politik mereka	192
	4) Mengkaji persepsi Wanita UMNO dengan Muslimat PAS terhadap pencapaian parti dalam menjaga hak dan kepentingan golongan wanita	194
6.3	Cadangan	197
	BIBLIOGRAFI	199

SENARAI JADUAL

Bilangan Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
Jadual 3.1	Nilai Cronbach's Alpha	83
Jadual 3.2	Persampelan Krejcie dan Morgan	87
Jadual 3.3	Kandungan Instrumen Soal Selidik Kajian	92
Jadual 3.4	Skala Likert Bahagian B	93
Jadual 3.5	Skala Likert Bahagian C, D, E, G Dan H	94
Jadual 3.6	Skala Likert Bahagian F	95
Jadual 3.7	Skala Likert Dapatan Kajian Bahagian B	96
Jadual 3.8	Skala Likert Dapatan Kajian Bahagian C, D, E,G Dan H	96
Jadual 3.9	Aras kekuatan nilai pekali kolerasi	101
Jadual 4.1	Bilangan responden mengikut kategori umur	106
Jadual 4.2	Taraf perkahwinan responden	108
Jadual 4.3	Tahap pendidikan wanita umno dengan muslimat pas	110
Jadual 4.4	Bidang pekerjaan responden	112
Jadual 4.5	Jawatan responden dalam parti	114
Jadual 4.6	Persatuan lain yang dianggotai	116
Jadual 4.7	Nilai pekali kebolehpercayaan bahagian soal selidik	119
Jadual 4.8	Taburan silang peratus tahap kesetiaan responden	120

Jadual 4.9	Taburan silang peratusan keutamaan responden semasa mengundi mengikut parti politik	123
Jadual 4.10	Penstrukturkan semula skala likert	128
Jadual 4.11	Taburan silang peratusan faktor yang mempengaruhi penglibatan politik dengan keahlian parti politik	129
Jadual 4.12	Taburan silang peratusan jenis aktiviti penglibatan dengan parti politik	133
Jadual 4.13	Taburan silang peratusan jenis aktiviti penglibatan politik dengan keahlian parti politik	137
Jadual 4.14	Taburan silang peratusan pengakuan penglibatan politik	139
Jadual 4.15	Taburan silang peratusan kekerapan masa responden bersama keluarga dengan keahlian parti politik	142
Jadual 4.16	Taburan silang peratusan jawatan dalam parti politik dengan kekerapan masa yang diluangkan bersama keluarga	144
Jadual 5.1	Taburan silang peratusan komitmen keluarga dengan keahlian parti politik	152
Jadual 5.2	Taburan silang komitmen keluarga dengan parti	155
Jadual 5.3	Taburan silang peratusan kerjaya dengan parti politik	157
Jadual 5.4	Pekerjaan responden dengan perhatian kepada keluarga	159
Jadual 5.5	Persepsi responden terhadap parti politik dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan pembangunan	162

Jadual 5.6	Taburan silang persepsi terhadap kerajaan negeri dalam menjaga hak dan kepentingan golongan wanita dengan keahlian parti politik	165
Jadual 5.7	Taburan silang persepsi parti terhadap kerajaan persekutuan	169
Jadual 5.8	Persepsi responden terhadap kehendak dan keperluan golongan wanita	171
Jadual 5.9	Golongan wanita mempunyai suara terhadap parti politik, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan	175
Jadual 6.1	Persamaan faktor penglibatan politik Wanita UMNO dan Muslimat PAS	187
Jadual 6.2	Perbezaan faktor penglibatan politik Wanita UMNO dan Muslimat PAS	188

SENARAI RAJAH

Bilangan Rajah	Senarai Rajah	Muka Surat
Rajah 1	Kerangka Konseptual Kajian	75
Rajah 2	Kerangka Kajian Penyelidikan	80
Rajah 3	Peta Negeri Perak	85
Rajah 4.1	Peratus Bilangan Responden Mengikut Kategori Umur	107
Rajah 4.2	Peratus Taraf Perkahwinan Responden	109
Rajah 4.3	Peratus Bidang Pekerjaan Responden	113
Rajah 4.4	Jawatan Responden Dengan Parti Politik UMNO Dan PAS	115

SENARAI SINGKATAN

AWAS	Angkatan Wanita Sedar
DAP	Democratic Action Party
DWN	Dasar Wanita Negara
DMP	Dewan Muslimat PAS
DUN	Dewan Undangan Negeri
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMS	Kesatuan Melayu Singapore
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MU	Malayan Union
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PKI	Pergerakan Kaum Ibu
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PRU	Pilihan Raya Umum
PWUMNO	Pergerakan Wanita UMNO
SPSS	Statistical Package for Social Science
UMNO	United Malaya National Organisation

KAJIAN PERBANDINGAN PENGLIBATAN POLITIK ANTARA WANITA UMNO DENGAN MUSLIMAT PAS DI IPOH PERAK

ABSTRAK

Penglibatan wanita dalam parti politik dilihat sebagai satu anjakan kemajuan dalam pencapaian kaum wanita di Malaysia. Malah penglibatan wanita dalam politik juga dilihat semakin meningkat dengan pertambahan ahli-ahli dalam parti politik. Namun, kajian tentang penglibatan wanita dalam dua parti politik yang berbeza iaitu UMNO dan PAS tidak diteliti secara mendalam di Ipoh, Perak berbanding penglibatan politik golongan lelaki. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan dan tingkah laku politik Wanita UMNO dan Muslimat PAS di Ipoh seperti struktur, budaya, peribadi dan persekitaran. Justeru, pemilihan teori dan konsep penyertaan politik oleh Ball telah digabungkan dalam satu kerangka konseptual dalam kajian ini bagi membantu pencapaian objektif bagi kajian ini. Dalam kajian ini, kaedah pengumpulan data dilakukan dengan penyelidikan *mix method* iaitu melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif dengan pengedaran borang soal selidik dan temubual mendalam ke atas responden. Secara keseluruhannya, analisis kajian ke atas penglibatan politik Wanita UMNO dan Muslimat PAS di Ipoh menunjukkan terdapat perbezaan yang tidak ketara antara penglibatan politik Wanita UMNO dan Muslimat PAS. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa, dalam beberapa aktiviti penglibatan politik, Wanita UMNO menunjukkan penglibatan yang aktif berbanding Muslimat PAS. Walau bagaimanapun, parti politik dan sikap peribadi Wanita UMNO dan Muslimat PAS di Ipoh merupakan faktor kekuatan yang membantu

mereka dalam penglibatan politik. Manakala budaya politik seperti kekangan masa merupakan antara faktor yang mengekang penglibatan politik bagi Wanita UMNO dan Muslimat PAS di Ipoh. Hasil kajian juga mendapati antara penglibatan yang paling banyak dilakukan oleh Wanita UMNO dan Muslimat PAS di Ipoh, Perak iaitu terlibat sebagai peraih undi semasa aktiviti berkempen menjelangnya pilihanraya.

COMPARATIVE STUDY OF POLITICAL PARTICIPATION AMONG WOMEN OF UMNO AND PAS IN IPOH PERAK

ABSTRACT

Women's participation in political parties was seen as a progressive shift in the achievement of women in Malaysia. Besides women's participation in politics was seen rising with the increase of members in political parties. However, studies on the participation of women in two different political parties, UMNO and PAS were not examined with in depth in Ipoh, Perak compared to the political participation of men. Therefore, this study aimed to analyse the factors that affect participation and political behaviour of Wanita UMNO and Muslimat PAS in Ipoh such as structure, culture, personality and environment. Thus, theory selection and the concept of political participation advocated by Ball have been combined into a single conceptual framework to achieve the objectives of this study. This study utilises the mix method of data collection. A survey to gain descriptive data of the respondents and an indepth interview with informants were combined for this study. Overall, the analysis on research of the women's political participation towards Wanita UMNO and Muslimat PAS in Ipoh indicates that there is no significant difference in the political participation between Wanita UMNO and Muslimat PAS. The study also showed that in some political involvement activities, Wanita UMNO's participation was active compared to Women PAS. However, political parties structure and a woman's personal interest were the stronger factors that impacted political participation of Wanita UMNO and Muslimat PAS in Ipoh. On the other hand, political culture and time constraints are some of the

factors that constrain political participation of Wanita UMNO and Muslimat PAS in Ipoh. Finally, results from interviews pointed out that it was the full commitment of Wanita UMNO and Muslimat PAS in Ipoh, Perak during campaigning that brought out the votes for both parties.

BAB SATU

PENGENALAN KAJIAN

1.1 Pengenalan

Wanita seringkali dikaitkan dengan tanggungjawab dan peranan sebagai seorang isteri dalam sumber rumahtangga. Namun seiring dengan perkembangan semasa, kini wanita merupakan sebahagian daripada sumber penting negara dalam pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan politik dan sebagainya. Meskipun mereka bukan sahaja menggalas tanggungjawab sebagai seorang suri rumah, malah turut menyumbang dalam pelbagai bidang pembangunan negara.

Umumnya, golongan wanita semakin aktif melibatkan diri dalam pelbagai bidang seperti aktiviti kemasyarakatan, sosial, ekonomi dan politik. Malah peranan wanita dalam politik tidak dapat dinafikan selepas Tanah Melayu melalui kemerdekaan pada tahun 1957. Bagi melihat dengan lebih lanjut mengenai wanita dan penglibatan politik, bab ini memperkenalkan latar belakang penglibatan golongan wanita dalam bidang politik secara umum. Kajian ini juga berpandukan kepada persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian dan seterusnya kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Senario penglibatan wanita Malaysia dilihat selari dengan penyertaan mereka dalam pelbagai bidang pentadbiran negara. Penglibatan wanita menjelang tahun 2020 amat penting dalam membangunkan sesebuah masyarakat kerana wanita dilihat sebagai sumber tenaga kedua terpenting dalam pembangunan kemajuan negara. Peranan wanita juga semakin luas mencakupi pelbagai bidang, malah wanita dilihat lebih

berdaya saing serta berdikari dan berjaya dalam memajukan diri sendiri (Nur Hafizah Yusoff dan Rahimah Abdul Azizi, 2012). Sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi, golongan lelaki lebih sinonim dikaitkan dengan bidang politik kerana sifat dan tingkah laku politik mereka yang lebih autonomi. Namun penglibatan golongan wanita kini dilihat telah berjaya menembusi bidang yang dahulunya dipelopori oleh golongan lelaki seperti politik, ekonomi dan pembangunan, malah menunjukkan peningkatan dalam setiap penglibatan.

Golongan ini juga mempunyai potensi untuk membawa perubahan kepada masyarakat dan juga negara kerana mereka mampu menjadi pentadbir dalam segala urusan. Ini jelas apabila wanita di seluruh dunia khususnya di Malaysia juga turut terlibat dengan lebih aktif dalam politik dan lain-lain inisiatif di peringkat kebangsaan (Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat Malaysia, 2007). Pelbagai program serta dasar yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemajuan golongan wanita dalam pelbagai bidang. Pihak kerajaan terus memainkan peranan penting dalam menyokong serta memastikan kesaksamaan gender lebih dicapai dengan menyediakan persekitaran yang sihat untuk memajukan golongan wanita dalam arena kebangsaan dan juga antarabangsa (Nik Safiah Karim, 1990).

Calon pilihan raya bagi kerusi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri adalah terbuka kepada golongan lelaki dan juga golongan wanita. Tidak terlepas juga peluang untuk menjadi calon dalam pilihan raya turut diberikan kepada golongan wanita. Namun begitu, bilangan mereka yang bertanding adalah amat kecil jika dibandingkan dengan jumlah bilangan golongan lelaki (Rozi Bainon, 1999). Umum

mengetahui walaupun tidak ramai golongan wanita menjadi Ahli Parlimen, golongan wanita yang dilantik sebagai ahli Dewan Negara adalah seramai 25.7 peratus.

Berdasarkan statistik dari Parlimen Malaysia 2010, ahli Dewan Negara wanita adalah 9.4 peratus daripada parti Barisan Nasional manakala 12.5 peratus daripada Parti Islam SeMalaysia (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011). Jumlah ini berbeza dengan bilangan peratusan wanita yang dilantik sebagai ahli Dewan Rakyat pada tahun 2010 mengikut parti politik iaitu sebanyak 9.3 peratus adalah daripada Barisan Nasional manakala 13.0 peratus adalah daripada Parti Islam SeMalaysia (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011).

Menurut Abeer Bashier Dababneh (2012), penglibatan politik golongan wanita mempunyai dimensi penglibatan yang berbeza dari peringkat antarabangsa dan juga kebangsaan khususnya yang berkaitan dengan rangka kerja perlumbagaan dan undang-undang yang diwakili, terutamanya undang-undang pilihan raya. Di samping itu, terdapat juga dimensi budaya dan sosial yang menjaskankan sumbangan dan peranan serta penglibatan golongan wanita dalam kehidupan politik terhadap andaian kedudukan pemimpin sebagaimana mereka penjawat awam. Proses demokrasi perlulah dilakukan dari akar umbi bagi memastikan isu penyertaan oleh golongan wanita ditangani secara adil dan saksama.

Menurut Noriah Mahat, Malaysia mempunyai kepakaran tenaga wanita yang ramai, malah 65% pelajar yang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga adalah kaum hawa (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2013). Beliau yang merupakan Senator Ahli Dewan Negara turut menyatakan sebanyak 22 daripada 222 kerusi

Parlimen diduduki oleh wakil rakyat wanita manakala sebanyak 56 calon wanita yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 jika dibandingkan dengan 523 orang calon lelaki.

Namun demikian, penyertaan wanita dalam bidang politik telah digunakan sebagai suatu ukuran dalam pembangunan sesebuah masyarakat dan kedudukan wanita juga dihargai dalam lingkungan sesebuah masyarakat. Terdapat pelbagai peringkat dan taraf penyertaan politik ini. Antaranya ialah melalui menjadi warganegara bagi sesebuah negara, membayar cukai dan membaca akhbar boleh dianggap sebagai gambaran penyertaan dalam politik. Peranan yang dimainkan oleh golongan wanita tidak dapat dinafikan kerana mereka juga merupakan tunjang penting dalam setiap sektor seperti ekonomi, sosial, politik, pendidikan dan sebagainya.

Bilangan populasi wanita di Malaysia menunjukkan bahawa wanita merupakan separuh daripada 28 310,000 rakyat Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009). Melalui perkembangan negara selepas merdeka, sumbangan wanita tidak terhad kepada pembangunan politik sahaja. Malah, wanita juga turut menyumbang khidmat dalam membantu kepada perkembangan kemajuan negara melalui kuasa dan pengaruh politik dalam kalangan lelaki dan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam sejarah Islam turut dinyatakan mengenai hak berpolitik dalam kalangan kaum wanita semasa sebelum kedatangan tahun hijrah lagi, dan bahawa Nabi Muhammad (SAW) telah menerima bai'ah atau sumpah setia wanita Islam (Faisal Othman, 1997). Sumpah setia ini kemudiannya turut diiktiraf dalam isi kandungan Al-Quran Surah al-Mumtahanah ayat 12 yang bermaksud, meminta Nabi Muhammad (SAW)

supaya terus menerima sumpah setia kaum wanita. Ini menunjukkan bahawa golongan wanita sememangnya mempunyai hak berpolitik dalam Islam. Malah turut dinyatakan juga bahawa penglibatan wanita dalam sosio-politik tidak bertentangan dengan syariah Islam (Faisal Othman, 1997).

Hal ini telah diakui pada zaman awal keIslamam iaitu, wanita-wanita Islam mempunyai kebebasan untuk keluar rumah dan boleh berdikari untuk menyelesaikan keperluan sendiri. Shayuthy Abdul Manas (2008) turut menyatakan yakni, agama Islam percaya bahawa wanita mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan masyarakat dengan kemampuan dan kuasa yang ada pada diri mereka.

Menurut kajian Faisal Othman (1997) lagi, wanita yang berpersonaliti berwibawa tidak merasa segan dan takut untuk menyatakan pendapat mereka sekalipun kepada ketua atau pemimpin negara. Sekaligus penyertaan mereka dalam bidang politik ini telah menunjukkan bahawa mereka berpeluang dalam meningkatkan potensi diri dalam sesebuah negara. Dalam agama Islam, martabat golongan wanita tidak pernah dipandang rendah dan tidak pula disamakan antara golongan lelaki dengan golongan wanita, malah golongan wanita diletakkan pada kedudukan dan martabat yang tinggi. Sumbangan golongan wanita dari pelbagai aspek kehidupan seperti ekonomi, sosial, politik dan kemasyarakatan di kebanyakan negara-negara begitu dominan sekali.

Namun, jika seorang wanita itu memilih untuk terlibat menyertai politik, seseorang itu bukan sahaja perlu mendapatkan sokongan jitu daripada keluarganya malah perlu bijak dalam menyeimbangkan masa untuk keluarga, kerjaya dan penglibatan politik. Ini membuktikan bahawa golongan wanita mampu menggalas tanggungjawab

tersebut. Kini ramai golongan wanita yang bukan sahaja bekerja malah turut bergiat secara langsung dan juga tidak langsung dalam sesebuah parti politik dan menjadi wakil parti politik.

Menurut Rashila & Saliha (1998) sehingga penghujung abad ke-20, tanggapan masyarakat terhadap peranan wanita tidak pernah berubah dan tetap kekal dengan sifat konservatif dan patriarkal. Bagi masyarakat Melayu, keterikatan sosial memerlukan wanita memainkan peranan sebagai isteri dan ibu, manakala lelaki pula dengan tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Oleh yang demikian, wanita disaran untuk memperkasakan diri dalam meningkatkan kemajuan diri sendiri (Rashila, 2008).

Kebangkitan wanita dalam arena politik dunia telah membuktikan sebaliknya apabila terdapat kejayaan beberapa orang wanita menjawat jawatan Presiden atau Perdana Menteri. Antara wanita yang berjaya mengubah pandangan masyarakat terhadap kemampuan wanita ialah Benazir Bhutto yang dilantik menjadi Perdana Menteri Pakistan, Golda Meir menjadi Perdana Menteri Israel dan Margaret Thatcher dilantik sebagai Perdana Menteri United Kingdom (Bahterah Alias & Che Zarina, 2006).

Rashila & Saliha (1998) juga turut menyatakan mengenai kehadiran proses transformasi di Malaysia oleh pemimpin veteran wanita, iaitu Tan Sri Aishah Ghani yang mengakui bahawa timbulnya kesedaran tentang betapa pentingnya penglibatan wanita dalam politik. Perjuangan golongan wanita suatu ketika dahulu menjadi teras dan pendorong bagi memastikan kesinambungan perjuangan golongan wanita pada masa kini. Dalam era 1950-an, nama-nama seperti Fatimah Hashim, Ibu Zain dan

Khatijah Sidek merupakan golongan elit wanita yang melibatkan diri ke arena politik di Tanah Melayu. Golongan ini kemudiannya mula terlibat secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan politik.

Bermulanya pergerakan golongan wanita apabila mereka turut sama membantu golongan lelaki selepas Malaysia mendapatkan kemerdekaan. Rentetan daripada peristiwa itu, golongan wanita semakin aktif menubuhkan beberapa persatuan bagi membantu dan menjaga kebajikan mereka agar sentiasa terus dijaga. Sehingga kini, setiap organisasi parti politik mempunyai pergerakan sayap wanita bagi melengkapkan dan memperkasakan lagi sesebuah parti serta menggalakkan wanita lain untuk menyertai politik sama ada di peringkat kebangsaan atau tempatan (Dasar Wanita Negara, 2012). Situasi ini menunjukkan bahawa peranan dan hak golongan wanita sama sekali tidak pernah dipinggirkan.

Selaras dengan strategi perlaksaan Dasar Wanita Negara (DWN) iaitu menekankan penglibatan wanita yang aktif sebagai penyokong dalam bidang politik, wanita memainkan peranan penting dalam pembangunan politik sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga kini. Hal ini diakui apabila menjelang pilihan raya, golongan wanita memainkan peranan sebagai kumpulan pengundi yang besar dan peranan sebagai penarik pengundi. Dasar Wanita Negara (DWN) ini digubal pada tahun 1989 berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan Dasar Sosial Negara yang mendukung cita-cita untuk mencapai ketaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari (Dasar Wanita Negara, 2012).

Bertepatan dengan DWN dalam Pelan Tindakan Wanita Mengikut Sektor Politik yang menyatakan bahawa perundangan dan pentadbiran bagi menentukan penglibatan wanita secara sepenuhnya dalam bidang politik negara. Pelan Tindakan Wanita ini juga bagi menambahkan pengambilan, pencalonan dan penempatan wanita pada kedudukan penentuan dasar di peringkat negeri, tempatan dan kebangsaan sehingga perwakilan saksama tercapai hendaklah dilakukan oleh kerajaan. Selain itu, turut juga dinyatakan dalam Pelan Tindakan Wanita Mengikut Sektor Politik bahawa kerajaan hendaklah menentukan sokongan golongan wanita terhadap kemunculan ke peringkat perundangan dan eksekutif dalam Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Kerajaan Tempatan dan juga badan-badan lain.

Penyertaan dan penglibatan wanita dalam politik dilihat sebagai suatu pendekatan untuk memastikan pemerkasaan wanita dapat ditingkatkan, selain menambahkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan. Di samping itu, golongan wanita juga dapat meningkatkan keupayaan dalam memastikan perkara yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka dalam keluarga, masyarakat, dan negara. Pemerkasaan wanita bermula dengan kesedaran dan persepsi, keupayaan dan potensi, kesedaran tentang gender dan sosio-budaya, ekonomi dan kuasa-kuasa politik yang mempengaruhi wanita.

Faktor-faktor yang menyebabkan penyertaan wanita dalam parti-parti politik dan juga politik arus perdana boleh difahami apabila melihat peranan wanita dalam konteks masyarakat yang luas. Wanita juga mempunyai kuasa dalam dunia politik. Hampir separuh daripada pengundi semasa pilihanraya adalah wanita yang terdiri

daripada kumpulan politik dalam kerajaan dan juga dari kalangan penggubal undang-undang pada peringkat negeri, kebangsaan dan juga antarabangsa.

Menurut Magstadt (2006), dalam politik Amerika Syarikat, kadang kala lelaki dan wanita cenderung untuk melihat kerajaan dan politik dengan cara yang berbeza. Misalnya, seperti kelas dan bangsa, perbezaan jantina adalah penting dalam hubung kait yang bebas antara tingkah laku politik dengan luahan pendapat. Di Amerika Syarikat juga, terdapat perbezaan jurang yang besar antara lelaki dengan wanita dari segi pemikiran serta pengundian dan ini wujud dalam sesetengah isu politik.

Selain itu, Iwanaga (2008) turut menyatakan bahawa terdapat juga isu berkaitan gender dalam istilah feminis yang dikenalpasti secara terhad, iaitu persamaan hak dan keserataan gender manakala sesetengahnya pula dikenalpasti secara meluas yang berkaitan dengan ciri-ciri tradisional wanita sebagai tanggungjawab seorang isteri dan ibu serta penjaga rumah tangga. Kini, golongan wanita diberi peluang untuk menonjolkan kelebihan yang dimiliki bagi memastikan kesinambungan perjuangan golongan wanita terdahulu diteruskan sehingga ke generasi masa hadapan.

Di samping itu juga, ini turut memberi ruang dan peluang kepada golongan wanita untuk menonjolkan kelebihan diri dalam pelbagai sektor setanding dengan bidang yang diceburi oleh golongan lelaki. Penyertaan politik juga perlu dilihat dengan lebih luas berbanding aktiviti yang melibatkan pihak kerajaan. Malaysia merupakan antara negara yang mengamalkan ciri kerajaan demokrasi berperlembagaan. Keterbukaan setiap parti-parti politik dalam memberikan ruang untuk golongan wanita dalam menyertai bidang politik telah berjaya menarik minat dan perhatian golongan ini

menyertai politik secara langsung dan tidak langsung. Walaupun setiap parti politik di Malaysia ini berbeza ideologi perjuangan parti, namun kesempatan atau kekosongan yang diisi oleh kaum wanita dalam sesbuah parti bukanlah sekadar tempelan. Malah ruang kekosongan yang diisi itu turut memberangsangkan dalam meyakinkan para pengundi terhadap kemampuan golongan wanita dalam mana-mana pertubuhan politik sehingga dimartabatkan sebagai calon untuk bertanding dalam pilihan raya (Noor Sulastri, 17 Jun 2011). Ini terbukti apabila pergerakan wanita inginkan sebanyak 30 peratus kerusi pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) akan datang diberikan kepada calon wanita berbanding pada masa kini hanya 10 peratus.

1.3 Latar Belakang Wanita Dan Penglibatan Politik

1.3.1 Sejarah Politik

Kajian ini memfokuskan penyertaan politik wanita kepada dua parti majoriti iaitu antara parti UMNO dengan PAS yang merupakan parti dominan dan berpengaruh di Ipoh, Perak. Salah satu fungsi yang paling penting dalam parti politik ialah menyatukan, memudahkan dan menstabilkan proses politik. Sesebuah parti politik merupakan satu struktur dalam sistem politik yang melaksanakan pelbagai fungsi dan peranan. Antaranya termasuklah menyuarakan hasrat para pengundi kepada pihak kerajaan, memaklumkan kepada para pengundi mengenai isu-isu politik serta membenarkan penyertaan yang lebih meluas untuk orang ramai dalam sistem politik.

Bermula pada zaman Athens lagi, setiap rakyat akan mengambil bahagian dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang rakyat. Tetapi, ramai yang berpendapat adalah tidak berfaedah melibatkan diri dalam politik kerana ramai yang tidak mengetahui dan sedar akan hak mengundi adalah penting pada abad ke-19 dan

ke-20. Namun apabila keputusan pengundian diumumkan dan didaftarkan di Athens, terdapat hanya kurang 40 peratus daripada rakyat yang keluar mengundi. Proses pengundian ini memihak kepada hasil keputusan yang tertinggi dan seterusnya memenangi dalam pilihanraya tersebut. Oleh yang demikian, golongan yang mendapat undian tertinggi akan memegang tumpuk pemerintahan disebabkan kurangnya rakyat yang mengundi. Walau bagaimanapun, terdapat juga pada zaman dahulu wanita tidak dibenarkan mengundi (Ramanathan, 2003).

Namun, pada tahun 1893, New Zealand merupakan negara pertama yang membenarkan wanita mengundi. Kini, terdapat lebih kurang 80 buah negara yang membenarkan kaum wanita berada di kilang-kilang, pejabat-pejabat dan gudang-gudang serta berada dalam bidang professional dan mendapatkan kemudahan pelajaran yang sama dengan kaum lelaki telah mengubah sikap diskriminasi terhadap mereka (Syed Ahmad Hussein, 1994). Terdapat sesetengah persepsi yang merasakan bahawa negara Malaysia masih lagi didominasi sepenuhnya oleh golongan lelaki. Manakala persepsi lain berpendapat golongan lelaki juga turut merasakan bahawa kedudukan mereka tergugat kerana kedudukan dan jawatan kanan yang disandang oleh wanita-wanita kini.

Kajian ini memberi fokus kepada penyertaan golongan wanita dalam bidang politik di negeri Perak secara umum dengan melihat dahulu kepada sejarah empat pertubuhan wanita iaitu Kesatuan Melayu Singapura, Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Pergerakan Wanita UMNO, dan juga Dewan Muslimat PAS. Penglibatan politik wanita Malaysia dikatakan bermula dengan perjuangan Kaum Ibu, yang secara spontan ditubuhkan dan bermula beberapa orang wanita berkumpul sesama

mereka sama ada untuk menjalankan aktiviti sosial atau membantu kaum lelaki dalam aktiviti-aktiviti berorganisasi. Antara aktiviti sosial yang dijalankan ialah mengadakan kelas masak-memasak dan jahit-menjahit, merangka dan menyusun pelbagai agenda untuk persatuan tersebut (Manderson, 1981). Hal ini dapat dilihat melalui perbezaan antara sebelum dengan selepas kemerdekaan di Tanah Melayu pada tahun 1957.

1.3.1.1 KESATUAN MELAYU SINGAPURA

Pembentukan pertubuhan-pertubuhan politik di Malaya dapat dikenal pasti pada tahun 1920. Pertubuhan politik yang pertama, Kesatuan Melayu Singapura (KMS) atau dikenali sebagai *Singapore Malay Union* telah ditubuhkan pada 1962 oleh Mohammad Yunus bin Abdullah (Dancz, 1987). Antara matlamat penubuhan KMS ini ialah bertujuan untuk menggalakkan ahli-ahlinya memainkan peranan yang lebih besar dalam hal ehwal umum dan kerajaan, untuk memperjuangkan kemajuan bangsa Melayu dalam politik dan pelajaran serta untuk mewakili masyarakat Melayu dalam kerajaan mengenai hal-hal yang berhubungan dengan hak dan kebebasan orang Melayu.

Sehingga tahun 1937, cawangan KMS ditubuhkan di Melaka, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan dan telah didominasi oleh kakitangan awam yang mempunyai pendidikan Inggeris. Pembentukan kesatuan ini telah mewujudkan beberapa persatuan-persatuan lain pada tahun 1930 termasuk Persatuan Melayu Selangor (*Selangor Malaya Union*) pada tahun 1938 (Zeenath Kausar, 2006). Kesedaran dalam berpolitik semakin memuncak apabila wujudnya persengketaan akibat dari cadangan yang dikemukakan oleh Sir Cecil Clementi, Gabenor dan Pesuruhjaya

Tinggi, untuk mengagihkan kuasa pusat Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan untuk menyusun semula Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu bersama-sama dengan Negeri-negeri Selat ke dalam sebuah kerajaan pusat Malayan Union.

Pada tahun 1934, medium yang dianggap sebagai sebuah persatuan iaitu akhbar *Saudara* yang diterbitkan dua kali seminggu di Pulau Pinang, memulakan satu ruangan bertajuk ‘Sahabat Pena’. Ruangan ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan pemuda-pemuda Melayu menyumbangkan rencana dan tulisan mereka ke akhbar tersebut. Namun, ruangan ini telah dipenuhi dengan saluran komunikasi untuk orang yang lebih tua, khususnya pendukung-pendukung fahaman baru agama iaitu ‘Kaum Muda’.

Menjelang tahun 1935, ‘Sahabat Pena’ yang dikenali sebagai ‘Persaudaraan Sahabat Pena Malaya’ telah memohon dan diperkenankan pengecualian rasmi dari pendaftaran di bawah Ordinan Pertubuhan. Ketika itu, pertubuhan ini telah mempunyai ahli melebihi 1000 orang dan ketika kemuncak penubuhannya ia mempunyai seramai 12 000 orang ahli termasuk wanita dari seluruh Semenanjung. Walaupun persatuan ini tidak memperlihatkan cita-cita politiknya secara jelas, namun ‘Sahabat Pena’ telah menimbul dan menyemarakkan lagi semangat kesedaran nasionalisme melalui perjuangannya yang menekankan tentang penggunaan bahasa dan kesusateraan Melayu dalam kalangan anggota-anggotanya di seluruh Semenanjung Tanah Melayu (Manderson, 1981).

Pada awalnya, penglibatan wanita dalam bidang politik ini menunjukkan bahawa mereka tidak aktif kerana aktivisme politik yang rendah dalam kalangan wanita dan juga kekurangan pendidikan yang diterima. Masalah kemunduran pendidikan oleh golongan wanita ini bagaimanapun tidak dilalui terlalu lama. Kesatuan Guru Lelaki dan Perempuan yang pertama di Tanah Malaya “Persekutuan Guru-Guru Perempuan Johore” (PGGPJ) telah dibentuk pada tahun 1930 oleh seorang wanita yang sangat komited dan luar biasa, iaitu Hajjah Zain Suleiman atau dikenali umum sebagai Ibu Zain di Malaysia.

Kesatuan ini akhirnya telah menarik ramai ahlinya di Tanah Malaya yang terdiri daripada guru dan pada tahun 1935, keanggotaannya telah meningkat sebanyak 200 orang guru. Ahli-ahli kesatuan ini sangat berdedikasi dalam kepentingan pendidikan dalam kalangan wanita serta kebebasan dan pembangunan ke atas negara yang digunakan untuk pengembalaan ke kampung-kampung di Tanah Malaya untuk mendorong dan memotivasi anak-anak perempuan dan golongan wanita dalam pendidikan. Pada tahun 1937, persatuan semi politik Tanah Malaya telah dibentuk untuk membawa perubahan tentang sosio-politik di Tanah Malaya. Sementara itu pada tahun yang sama juga, Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah dibentuk.

Kesatuan-kesatuan ini menuntut kemerdekaan untuk Tanah Malaya dan bersatu dengan Indonesia. Seterusnya parti tersebut iaitu KMM telah diharamkan pada tahun 1940 oleh British tetapi kemudiannya apabila pemimpin-pemimpinnya dibebaskan oleh pihak Jepun, mereka menamakannya semula Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), ataupun Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung.

Walau bagaimanapun, parti itu kemudiannya gagal apabila Sukarno tidak memasukkan Tanah Malaya dan gagal mengisytiharkan Indonesia sebagai sebuah Republik pada 17 Ogos 1945. Pada tahun 1944 pula, sebuah pertubuhan nasionalis Melayu kedua yang berhaluan kiri dibentuk iaitu Saberkas yang dikenali sebagai ‘Syarikat Bekerjasama Am Saiburi’. Namun pada Januari 1946, namanya telah ditukar kepada ‘Sayang Akan Bangsa Ertinya Redha Korbankan Apa Segalanya’ telah ditubuhkan di Kedah. Persatuan ini ditubuhkan bertujuan untuk memperjuangkan kebajikan orang Melayu.

Ini disokong kuat oleh para guru, pelajar-pelajar, petani-petani, peniaga kecil kaum wanita, terutamanya guru-guru dalam kalangan wanita (Manderson, 1981). Semasa pendudukan Jepun di Tanah Malaya, beberapa kumpulan wanita telah terbentuk. Tumpuan pada ketika itu diberikan kepada aspek pendidikan dan aktiviti kebajikan sosial. Hasilnya lahirlah jurnal-jurnal dan majalah-majalah seperti Matahari Memancar, Fajar Asia, Semangat Asia dan sebagainya.

1.3.1.2 ANGKATAN WANITA SEDAR (AWAS)

Sejarah penglibatan wanita dalam politik kepartian Malaysia boleh dikatakan bermula dengan penubuhan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) dan Pergerakan Kaum Ibu UMNO (PKI) dalam tahun yang sama iaitu 1946. Menurut Zeenath Kausar (2006), parti politik dan sistem parti di Malaysia dapat dikesan semasa tempoh pra-kemerdekaan. Penjajahan British iaitu semasa Perang Dunia Pertama, kependudukan orang Jepun dan kembalinya semula British ke Tanah Malaya pada tahun 1945 telah menyumbang kepada pertubuhan anti-penjajahan yang bersifat perkauman dan bukan bersifat perkauman di Malaysia.

Angkatan Wanita Sedar (AWAS) merupakan sayap wanita Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). AWAS ditubuhkan di Perak pada bulan Februari 1946 bertujuan untuk ‘membangkitkan kesedaran tentang hak yang sama dengan kaum lelaki dalam kalangan kaum wanita Melayu’ dan ‘membebaskan wanita daripada ikatan tradisi’ (Ruslan Zainuddin et al, 2010). Angkatan Wanita Sedar (AWAS) atau *Progressive Malay Women's Corps* adalah sebahagian wanita daripada Parti Nasionalis Malaya (MNP) yang bertujuan untuk menubuhkan sebuah republik Indonesia yang juga termasuk Malaya.

Pada Disember 1945, MNP telah menggerakkan sayap wanitanya, AWAS, di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin. Pemimpin AWAS yang pertama ialah Aishah Ghani yang pernah menjadi wartawan akhbar Pelita Malaya pada suatu masa dahulu. Pada awal pertubuhan AWAS, persatuan ini mempunyai kira-kira 200 orang ahli yang kebanyakannya tertumpu di Perak dan Pahang. Namun menjelang bulan Februari 1947, bilangan keahlian AWAS meningkat sehingga 2000 orang. Bilangan ini menunjukkan pertambahan golongan wanita yang terlibat dengan AWAS secara langsung.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1947 Aishah Ghani telah meletakkan jawatannya sebagai Presiden dan jawatan tersebut kemudiannya diambil alih oleh Shamsiah Fakeh. Antara tokoh penting yang pernah bergerak melalui AWAS ialah Sawiyah binti Ali (salah seorang pengasas PKMM Perak), Sakinah Haji Junid (Ketua AWAS Perak dan pernah menjadi Ketua Dewan Muslimat PAS Perak), dan Samsiah Fakeh (ahli parti Komunis Malaya).

Namun pada tahun 1947, AWAS diharamkan oleh kerajaan British dan setahun kemudian pertubuhan AWAS dibubarkan. Umum mengetahui bahawa AWAS ialah merupakan kumpulan politik wanita yang pertama di Tanah Malaya yang bergiat untuk mendapatkan kemerdekaan, melakukan demonstrasi terancang, menentang pemerintahan British, dan juga tegas dalam menyatakan hak-hak wanita. Selepas pembubaran AWAS, Sakinah Junid yang pernah menjadi Ketua AWAS telah menyertai Dewan Muslimat yang merupakan sayap wanita dalam PAS.

Bertentangan dengan cadangan Kesatuan Malaya (MU), terdapat banyak pertubuhan wanita yang ditubuhkan dengan segera di antara tahun 1946 sehingga 1948. Kumpulan ini dikenali sebagai Kumpulan Kaum Ibu dan telah ramai golongan wanita daripada pelbagai daerah serta negeri di Semenanjung Malaysia yang menganggotai kumpulan ini. Sebagai sebuah pertubuhan nasionalis, tumpuan dan fokus kumpulan ini adalah tertumpu kepada pelbagai isu, antaranya ialah sosial, moral, pendidikan dan juga politik. Sebahagian besar daripada golongan wanita ini merupakan isteri dan anak-anak perempuan kepada pemimpin politik lelaki, dan secara tidak langsung telah mendapat sokongan dan motivasi daripada mereka.

Cadangan MU oleh British yang dianggap mengancam kedudukan kedaulatan Raja-raja Melayu telah menguatkan lagi penubuhan parti-parti politik untuk menuntut kemerdekaan. Lantas pada tahun 1946, sebanyak 42 buah persatuan Melayu autonomi bergabung bersama dan membentuk sebuah organisasi Melayu nasional yang telah bersatu sejak saat itu, yang akhirnya berkembang menjadi parti politik yang dominan di Malaysia.

1.3.1.3 PERGERAKAN WANITA UMNO

Latar Belakang Penubuhan Parti UMNO

Penubuhan pergerakan UMNO ditubuhkan pada 12 Mei 1946, berikutan persetujuan melancarkan kempen membantah penubuhan Malayan Union dan persetujuan menubuhkan sebuah badan kebangsaan yang menyatukan orang Melayu untuk penggerak bagi orang Melayu menentang Malayan Union serta perjuangan untuk kemajuan orang Melayu. Bermula pada penghujung tahun 1945, golongan wanita tidak ketinggalan untuk turut serta berganding bahu dengan golongan lelaki dalam menyertai perhimpunan, perarakan dan tunjuk perasaan yang diadakan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu (Manderson, 1981). Walaupun tidak terlibat secara langsung dalam bidang politik pada ketika itu, tetapi kesungguhan dan semangat yang ditonjolkan oleh golongan wanita tidak mengecewakan.

Penglibatan wanita dalam politik bermula bersama gerakan semangat kebangsaan untuk memerdekakan tanah air. Wanita yang sebelum ini lebih tertumpu pada pertubuhan berunsurkan kebajikan turut terlibat buat pertama kalinya secara terbuka dalam gerakan politik tanah air. Para pejuang wanita yang cukup dikenali pada ketika itu adalah seperti Hajjah Zain Suleiman (Ibu Zain), Shamsiah Fakeh, Fatimah Hashim, Aishah Ghani, Sakinah Junid, Khadijah Sidek dan yang lain-lain memainkan peranan yang cukup penting bagi menanamkan semangat dan kesedaran nasionalisme dalam diri setiap wanita.

Sejarah penubuhan parti UMNO pada peringkat awalnya bermula atau beribu pejabat di negeri Perak iaitu pada 1946 sehingga 1949 (Maymon Ariff, 1974). Dalam bulan September 1947, kebanyakan persatuan wanita ini bersatu sebagai sebuah pergerakan

Kaum Ibu UMNO yang bebas dan sebuah pertubuhan wanita nasionalis yang baru bergerak secara aktif (Dancz, 1987). Perkembangan ini bertepatan dengan pendapat Dato' Onn Jaafar, Yang Dipertua UMNO 1946- 1951 pada ketika itu, yang menyatakan tanpa kaum wanita Melayu bersama-sama menentang Malayan Union, kaum lelaki tidak dapat membuat banyak perkara tentang perjuangan ini (Zaharah Hassan, 2000).

Penglibatan politik wanita sebelum zaman kemerdekaan banyak melibatkan aktiviti-aktiviti yang berbentuk di ‘belakang tabir’ kerana buat pertama kalinya golongan wanita pada masa itu menyertai politik secara terbuka. Misalnya, golongan wanita ini lazimnya akan berkempen dari rumah ke rumah, memberikan sokongan yang tidak henti-henti kepada golongan lelaki serta menyediakan segala keperluan seperti penyediaan makanan dan minuman.

Setelah Perang Dunia Kedua, bilangan wanita Melayu yang terlibat dalam politik semakin bertambah (Khoo Kay Kim, 1994). Pertubuhan Kaum Ibu semakin berkembang pesat pada tahun 1960-an. Namun, pada tahun 1971, Pergerakan Kaum Ibu telah bertukar nama kepada Pergerakan Wanita UMNO untuk mempertingkatkan lagi imejnya. Kini, dapat diperhatikan bahawa kebanyakan wanita yang sudah berkahwin diberikan kedudukan dalam sesebuah organisasi dan khidmat mereka semakin dihargai (Duke, 1993). Hal ini kerana, golongan wanita sudah mempunyai kesedaran berpolitik kerana ianya berkaitan dengan kedudukan dan status mereka dalam masyarakat.

Pergerakan Wanita UMNO dinamakan pada tahun 1971 dengan nama asalnya iaitu Pergerakan Kaum Ibu UMNO. Perubahan nama bahagian wanita UMNO dari Kaum Ibu UMNO kepada Wanita UMNO juga bermaksud satu perubahan psikologikal dan simbolik untuk golongan sarjana. Pada tahun 1970-an, terdapat ramai wanita yang berpendidikan tinggi dan lebih bersikap terbuka menjadi ahli UMNO (Zeenath Kausar, 2006). Semakin tinggi tahap pendidikan yang dicapai oleh seseorang wanita itu menunjukkan bahawa semakin ramai wanita yang diberi kepercayaan untuk menjadi pemimpin sama ada dalam sesebuah organisasi yang kecil maupun organisasi yang besar. Ini menjadikan golongan wanita mempunyai kesedaran tentang hak-hak politik sebagai seorang rakyat (Devaki Krishna, 1994).

Setahun selepas itu iaitu pada tahun 1972, berlaku perubahan pimpinan Pergerakan Wanita UMNO apabila Tan Sri Hajah Aishah Ghani, Naib Ketua PWUMNO telah dipilih menjadi ketua yang baru menggantikan Fatimah Hashim untuk selama 12 tahun (Dancz, 1987). Tokoh-tokoh wanita baru yang terpelajar serta melambangkan perubahan dalam corak pimpinan wanita juga turut dipilih bagi melengkapkan perjuangan wanita UMNO. Kepimpinan Pergerakan Wanita UMNO diterajui oleh Aishah Ghani sehingga tahun 1984, kemudiannya dipimpin pula oleh Tan Sri Rafidah Aziz selama 12 tahun.

Di bawah kepimpinan Tan Sri Rafidah Aziz, Pergerakan Wanita UMNO lebih cergas menganjurkan kursus – kursus meningkatkan pengetahuan perniagaan dan pendekatan lebih profesional dalam pentadbiran parti mengikut sistem lebih teratur dan kemas kini. Selama 12 tahun kepimpinan Tan Sri Rafidah Aziz, jawatan Ketua Wanita UMNO dimenangi oleh Dato' Dr. Siti Zaharah pada tahun 1996. Seterusnya,

pada pemilihan sayap parti tahun 2000, Tan Sri Rafidah Aziz kembali menjadi Ketua Wanita UMNO selama 9 tahun sebelum ditewaskan pula oleh Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil. Matlamat pergerakan Wanita UMNO bertujuan untuk mencapai semua objektif dengan jayanya dan penuh beretika melalui penglibatan golongan-golongan wanita serta perlaksanaan program-program yang khusus dan juga holistik.

Sepanjang tahun 1971-1974, Wanita UMNO telah membangunkan beberapa strategi penting dan juga dasar-dasar di bawah kepimpinan Fatimah binti Hashim iaitu menyalurkan semangat baru dalam pertubuhan Wanita UMNO melalui pengambilan secara langsung wanita-wanita dari golongan ikhtisas dan intelektual. Selain itu, terdapat juga beberapa para intelektual wanita yang dilantik dalam beberapa jawatankuasa kecil bagi menarik lebih ramai golongan wanita yang berpendidikan serta wanita dari luar bandar untuk menyertai politik.

Pada tahun 1982, keahlian anggota Wanita UMNO adalah seramai 430,000 orang yang mewakili sebanyak 52 peratus daripada jumlah keseluruhan anggota UMNO. Jumlah ini bagaimanapun meningkat pada tahun 1998, iaitu seramai 1,507,288 orang adalah golongan lelaki manakala bilangan ahli wanita adalah seramai 1,264,480 orang. Pada tahun 2001, jumlah keahlian anggota UMNO dari seluruh negara adalah seramai 2,775,969 orang dan bilangan wanita UMNO adalah seramai 1,284,862 orang (Zeenath Kausar, 2006). Peningkatan jumlah bilangan keahlian ini menunjukkan bahawa kejayaan dan kekuatan yang dicapai oleh wanita UMNO adalah melalui pertambahan bilangan keahlian Wanita UMNO pada peringkat parlimen dan juga badan perundangan sejak beberapa tahun yang lalu.

Selain itu, bermula dari tahun 1980 sehingga tahun 2000, terdapat sekurang-kurangnya tiga atau empat wanita daripada Wanita UMNO yang telah menjawat jawatan sebagai Menteri ataupun Timbalan Menteri. Pada waktu yang sama mereka juga ditempatkan dalam jabatan yang besar seperti Industri dan Perdagangan Antarabangsa, Perindustrian Awam, Kesihatan, Pengangkutan, Perpaduan Nasional, Pembangunan Sosial dan lain-lain. Pada tahun 1999, wanita UMNO telah menang dalam pilihan raya negeri dan parlimen dengan memperolehi 9 kerusi di Parlimen dan 17 buah kerusi dewan undangan negeri. Kemudian UMNO telah menukuhan sebuah lagi sayap baru dalam pertubuhannya iaitu ‘Puteri UMNO’. Puteri UMNO ini telah dilancarkan secara rasminya pada 3 Ogos 2001. Kejayaan yang dicapai oleh wanita UMNO ini menunjukkan bahawa terdapat usaha yang berterusan untuk menarik bilangan keahlian dalam Wanita dan Puteri UMNO sehingga kini.

Selain itu, Wanita UMNO juga telah menetapkan untuk mendapatkan kedudukan dalam politik pada peringkat perhimpunan-perhimpunan tempatan, negeri, parlimen dan kabinet (Zeenath Kausar, 2006). Keahlian Kaum Ibu UMNO terbuka kepada setiap golongan wanita yang ingin menyertainya. Sehingga ke hari ini, Pergerakan Wanita UMNO bergiat aktif dengan adanya bilangan keahlian yang semakin bertambah. Di bawah kepimpinan Shahrizat, beliau telah menggerakkan suatu program iaitu Jalinan Rakyat bertujuan sebagai pendekatan bagi memperluaskan pengaruh dan perkhidmatan di samping menjalin hubungan yang lebih rapat dengan rakyat. Dalam melaksanakan kerja- kerja kebajikan, kesukarelawan dan kemasyarakatan sebagai menepati hasrat parti serta memenuhi keperluan rakyat di akar umbi (www.wanitaumno.my/sejarah-wanita-umno).

1.3.1.4 DEWAN MUSLIMAT PAS

Latar Belakang Penubuhan Parti PAS

Penubuhan parti PAS bermula pada tahun 1951 apabila golongan agama dalam parti UMNO kecewa dengan tindakan UMNO yang meluluskan Loteri Kebajikan Masyarakat pada ketika itu (Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2007). Berlainan dengan penubuhan parti-parti yang lain, sejarah kemunculan parti PAS bermula pada 24 November 1951, dan ia ditubuhkan oleh pertubuhan yang dikenali dengan nama Persatuan Ulamak Se-Malaya ataupun Pan Malaya Islamic Party (PMIP). Pada tahun 1972, nama tersebut ditukar kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Zeenath Kausar, 2006).

Pada awal penubuhannya, PAS berjuang untuk mencapai kemerdekaan negara dengan menekankan perjuangan berteraskan Islam. Sesudah negara Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, PAS berusaha mengisi kemerdekaan negara dan menu buhkan sebuah negara Islam. Menurut para pemimpin PAS, antara perjuangan mereka adalah kerana ingin mencapai sehingga ke matlamat akhir dan inginkan pembentukan sebuah negara Islam yang berlandaskan Al-Quran dan Hadith.

Walau bagaimanapun, PAS juga merupakan parti yang turut bersama-sama UMNO dalam memperjuangkan kemerdekaan. Selain itu, PAS menyasarkan untuk melaksanakan dan menginstitusikan Syariah (undang-undang) Islam dalam negara yang mengamalkan pembentukan dan pentadbiran Islam. Manakala, penubuhan Dewan Muslimat Pas (DMP) pula telah ditubuhkan pada 3 Januari 1953 di bawah kepimpinan Ustaz Zabidi Hj Ali yang ketika itu merupakan Ahli Jawatankuasa

Agung PAS, berasal dari Seberang Perai. Pada peringkat awal penubuhan, jumlah yang mendaftar sebagai ahli Dewan Muslimat (bahagian wanita PAS) terdiri daripada 10, 000 orang. Manakala jumlah keahlian wanita PAS pada tahun 2001 adalah seramai 800,000 orang. Bilangan bagi wanita PAS dalam Parlimen adalah seramai tiga orang dan kesemuanya memegang jawatan sebagai senator (Zeenath Kausar, 2006).

Antara matlamat penubuhan DMP ialah untuk menyatukan wanita Islam dalam sebuah organisasi supaya dapat berusaha ke arah sesuatu hanya kerana Allah (SWT) dan juga Nabi Muhammad (SAW). Matlamat DMP seterusnya ialah untuk menyemai dan menghidupkan semangat keislaman ke atas muslimat supaya setiap ajaran dan bimbingan tentang keislaman dapat diperaktikkan dalam kehidupan harian setiap wanita. Selain itu, matlamat penubuhan DMP juga adalah untuk meningkatkan martabat dan maruah wanita Islam serta menjalankan kerjasama dengan ahli-ahli Pas yang lain dalam memenuhi objektif dan matlamat PAS.

Walaupun Dewan Muslimat telah ditubuhkan pada tahun 1953 di bawah pimpinan Ustaz Haji Ali Zabidi, bilangan keahliannya sangat kecil sehingga akhir tahun 1960-an. Manakala pada tahun 1958, seramai 700-800 orang ahli sahaja yang menggangotai Dewan Muslimat ini. Selama tempoh tersebut, tidak banyak cawangan Dewan Muslimat yang dibuka kerana kurangnya pemimpin wanita dalam Dewan Muslimat PAS. Namun, antara bahagian yang paling aktif ialah di Kelantan dan Terengganu. Seterusnya pada tahun 1966, bilangan keahlian Dewan Muslimat meningkat kepada 3000 orang manakala bilangan keahlian lelaki telah mencapai 40,000 orang.